

18 JAN 2001

Saintis-Ganjaran

MALAYSIA KAJI SKIM BARU GANJARAN KEPADA SAINTIS TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Malaysia sedang mempertimbangkan untuk melantik saintis tempatan sebagai senator sebagai ganjaran kerana sumbangan mereka kepada negara, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding hari ini.

Beliau berkata, ini antara skim ganjaran dan pengiktirafan yang sedang dipertimbangkan oleh Kementerian untuk memperbaiki skim-skim sedia ada yang disediakan oleh kerajaan bagi saintis tempatan.

"Kita mungkin melantik mereka sebagai Senator kerana sumbangan dan perkhidmatan mereka kepada negara," kata beliau kepada pemberita selepas menerima Profesor Lu Yongxiang, presiden Akademi Sains China (CAS) di pejabatnya di sini, hari ini.

Law berkata, beliau kagum dengan skim-skim pengiktirafan yang disediakan oleh kerajaan Republik Rakyat China bagi saintis-saintis mereka termasuk menawarkan mereka dengan jawatan-jawatan kerajaan dan geran sebagai modal untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Malaysia, kata beliau, akan mengkaji skim-skim pengiktirafan China dan kajian itu akan dimulakan kelak.

Mengenai lawatan Prof Lu, Law berkata ia lawatan balas kepada lawatan rakan sejawatannya dari Malaysia selepas kedua-dua negara menandatangani memorandum perjanjian (MOA) yang disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia dan China semasa lawatan Dr Mahathir Mohamad ke China pada Ogos 1999.

Selepas menandatangani MOA itu, Akademi Sains Malaysia mengetuai delegasi ke China pada Oktober tahun itu untuk mengkaji kemajuan pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam sains, kejuruteraan dan teknologi di China.

Lawatan itu juga untuk mengesyorkan projek-projek R&D yang sesuai antara saintis kedua-dua negara.

Oleh sebab itu, bidang-bidang kerjasama berpotensi dikenal pasti, khasnya dalam pembangunan dasar dan kajian strategik, sains hayat, sains fizik atau matematik, teknologi maklumat dan komunikasi, sains kimia dan kejuruteraan.

-- BERNAMA

AT ZS PR